



SIARAN AKHBAR

ACARA MENGATAM PADI DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN KANDOL (FASA 1) BAGI JAWATANKUASA TERTINGGI PROJEK PEMBUKAAN KAWASAN PENANAMAN PADI SECARA KOMERSIAL BERKELUASAN 500 HEKTAR, KAWASAN KANDOL, DAERAH BELAIT.

Mukim Bukit Sawat

Sabtu, 14 Jamadilakhir 1441H bersamaan 08 Februari 2020

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait telah mengadakan Acara Mengatam Padi pada hari ini, bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol.

Acara Mengatam Padi ini adalah merupakan kesinambungan kepada Majlis Perasmian Penanaman Padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol (Fasa 1) yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Oktober 2019 yang lalu.

Hadir pada Acara Mengatam Padi tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait. Juga hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Jawatankuasa Operasi dan Pelaburan bagi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait, dan juga bagi mewakili Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi tersebut; dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Timbalan Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan



Infrastruktur bagi Projek Pembukaan Kawasan Kandol bagi Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait.

Acara juga dihadiri oleh Yang Berhormat Awang Haji Hanafi bin Mohd Siput, Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang terdiri daripada Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta Pengarah-Pengarah Kementerian-Kementerian yang berkenaan. Acara juga dihadiri sama oleh pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pembangunan, Darussalam Assets Sdn. Bhd.; Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Ketua-Ketua Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking.

Acara Mengatam Padi dimulakan terlebih dahulu dengan satu sesi taklimat ringkas mengenai dengan peringkat dan perkembangan pertumbuhan padi jenis berhasil tinggi (*high yielding variety*) iaitu Sembada188 yang telah ditanam di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol. Penerangan telah disampaikan oleh Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, Pengurus Am, Syarikat Paddyco Sdn. Bhd. Pengendalian penanaman padi di Kawasan seluas 8.23 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol ini telah dikendalikan oleh Syarikat Paddyco Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat di bawah Darussalam Assets Sdn. Bhd.

Acara Mengatam Padi telah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Aminorddin bin Haji Md. Yussof, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pekan Seria. Seterusnya Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan; dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) dan Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Timbalan Menteri Pembangunan dijemput untuk menaiki jentuai (*combine harvester*) bagi memulakan acara mengatam padi di ladang tersebut.

Selepas Acara Mengatam Padi selesai dijalankan, Pengerusi-Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Bekeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait berserta dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa juga meninjau perkembangan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol (Fasa 1). Projek



Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait ini adalah merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah meningkatkan lagi keluaran serta tahap sara diri bekalan beras di Negara Brunei Darussalam, dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras negara adalah terjamin.

Sebelum Acara Mengatam Padi dijalankan, Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait juga turut berkesempatan membuat lawatan ke beberapa tapak perusahaan yang ditempatkan di kawasan berhampiran Mukim Bukit Sawat dan Merangking, Daerah Belait. Antara tapak perusahaan yang dilawati ialah:

- i. **Syarikat TS Wood Sdn. Bhd. di KM14/15, Jalan Labi, Sungai Mau, Daerah Belait.** Syarikat ini menjalankan perusahaan industri hiliran perkayuan di kawasan seluas 4.59 hektar (12 ekar). Antara produk-produk yang dihasilkan adalah termasuk pintu, bingkai pintu, jendela, komponen perabut, panel kayu dan kayu kumai (*moulding*). Selain daripada pasaran tempatan, syarikat ini juga telah memasarkan produk mereka di Negara Malaysia, Republik Korea, Republik India dan Amerika Syarikat.
- ii. **Syarikat Asia Enterprise (AE) Sdn. Bhd. di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking.** Syarikat ini menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan menggunakan kaedah penanaman berteknologi tinggi dan moden di atas tapak seluas 40ha. Pada tahun 2019, ladang ini mencatatkan pengeluaran hasil sayur, buah dan pelbagai tanaman sebanyak 16,853 kg.
- iii. **Syarikat Natural Biotech Resources Sdn. Bhd. di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking.** Syarikat ini menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan, dengan durian sebagai tanaman utama, dan pelbagai tanaman di atas tapak seluas 45 hektar. Pada tahun 2019, syarikat ini telah menghasilkan sebanyak 5,795 kg hasil buah dan sayur.
- iv. **Syarikat NSEY Sdn. Bhd. di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking.** Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 2018 di atas tapak seluas 20 hektar dengan menjalankan perusahaan tanaman buah durian dan tanaman sampingan termasuk Asparagus, Cili, Rockmelon, Tomato dan Sekoi.



- v. **Syarikat WYWY Farm di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking.** Syarikat ini juga merupakan perusahaan yang baru bergiat di KKP Merangking di atas tapak seluas 20 hektar dengan menjalankan perusahaan buah-buahan bermusim dan tidak bermusim.
- vi. **Golden Chick Hatchery and Breeding Farm Sdn Bhd di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking.** Syarikat ini telah ditawarkan kawasan seluas 20 hektar bagi industri ternakan ayam khususnya Ayam Pembiaak dan Penetasan Anak Ayam.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 08 Februari 2020